




Tinjauan Terhadap Profil Personaliti Pensyarah Universiti Penyelidikan

(A Survey of the Personality Profile of Lecturers in Research University)

Abdul Rashid Abdul Aziz^{1*}, Mohamad Yazid Abdul Majid², Muhammad Khairi Mahyuddin³, Nur Kareelawati Abd. Karim⁴, Nur A'in Mustafar⁵, Nurun Najihah Musa⁶

¹Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Email: rashid@usim.edu.my

²Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Email: yazidmajid@usim.edu.my

³Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Email: muhdkhairi@usim.edu.my

⁴Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Email: kareelawati@usim.edu.my

⁵Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Email: ainmustafar98@gmail.com

⁶Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Email: nurunmusa98@gmail.com

ABSTRAK

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Abdul Rashid Abdul Aziz
(rashid@usim.edu.my)

KATA KUNCI:

Personaliti
Keperibadian
Tingkah laku
Pensyarah

KEYWORDS:

Personality
Characteristics
Behaviour
Lecturer

CITATION:

Abdul Rashid Abdul Aziz et al. (2022).
Tinjauan Terhadap Profil Personaliti
Pensyarah Universiti Penyelidikan.
*Malaysian Journal of Social Sciences and
Humanities (MJSSH)*, 7(10), e001872.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i10.1872>

Personaliti individu banyak dikaitkan dengan keperibadian dan perwatakan individu. Ia menentukan kualiti individu tersebut. Justeru, Kajian ini bertujuan untuk meninjau profil tret personaliti pensyarah yang berada di universiti penyelidikan. Kajian ini adalah berdasarkan kepada Teori Tret Personaliti Big Five. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif menggunakan reka bentuk deskriptif melibatkan seramai 645 orang pensyarah yang dipilih melalui kaedah persampelan rawak mudah. Hasil kajian mendapati bahawa pola personaliti *Agreeableness* mencatat skor min tertinggi bagi pensyarah iaitu sebanyak 2.94 dan sisihan piawainya 0.30. diikuti oleh pola personaliti *Conscientiousness* (min = 2.93), *Extraversion* (min = 2.91), *Openness* (min = 2.89) dan *Neuroticism* dengan catatan nilai (min = 1.07). Kajian ini amatlah signifikan dalam mengenal pasti profil tret personaliti pensyarah. Hal ini kerana ia dapat mempengaruhi kelancaran dan keberkesanan sesi pengajaran dan pembelajaran yang akan dilalui oleh para pelajar. Justeru, kajian ini dapat memberikan gambaran kepada pihak universiti dan Kementerian Pengajian Tinggi dalam mengatur apa jua strategi untuk menambah kualiti diri dalam setiap pensyarah sebagai usaha melahirkan para graduan yang berkualiti.

ABSTRACT

Individual personality is closely related to how the individual behaves, reacts and their character. It determines the quality of the individual. Therefore, this study aims to review the personality trait profile of lecturers who are in research universities. This study is based on the Big Five Personality Trait Theory. This is a quantitative study using a descriptive design method involving a total of 645 lecturers who were selected through a simple random sampling method. The results of the study found that the Agreeableness personality pattern recorded the highest mean score for lecturers which was 2.94 and the standard deviation was 0.30, followed by the personality pattern of Conscientiousness (mean = 2.93), Extraversion (mean = 2.91), Openness (mean = 2.89) and Neuroticism (mean = 1.07). This study is very significant in identifying the profile of lecturers' personality traits. This is because it can affect the smoothness and effectiveness of the teaching and learning sessions that the students will go through. Thus, this study can provide a benchmark and general idea to universities and the Ministry of Higher Education in organizing any strategy to increase the quality of each lecturer as an effort to produce quality graduates.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang data baru dan maklumat berkaitan profil personaliti pensyarah di universiti penyelidikan. Ia amat penting dalam mengenal pasti keperibadian majoriti pensyarah yang berada di universiti agar mereka dapat menjadi contoh teladan kepada setiap pelajar selain memastikan kelancaran dalam sesi pengajaran dan pembelajaran dalam usaha melahirkan graduan yang berkualiti.

1. Pengenalan

Pengetahuan mengenai personaliti adalah merupakan satu keperluan penting bagi setiap ahli yang terlibat di bidang berkaitan sama ada psikologi atau kaunseling. Ibu bapa, para guru serta keseluruhan anggota masyarakat juga seharusnya mendapat pendedahan serta pengetahuan asas mengenai ilmu memahami personaliti. Hal ini kerana, sebagai manusia disedari bahawa terdapat kepelbagaian bentuk sama ada persamaan atau perbezaan dalam aspek berkaitan personaliti. Pada sudut pandangan yang berbeza, [Lucas \(2018\)](#) menghuraikan personaliti ialah sesuatu yang wujud dalam diri seseorang itu secara konsisten dan stabil, serta wujud secara berterusan dan kekal dalam kehidupannya. Di samping itu, personaliti juga boleh merujuk kepada gabungan istimewa antara kebolehan, nilai, pengharapan, kecintaan dan tabiat yang menjadikan seseorang itu individu yang unik ([Schumpe & Erb, 2015](#)). Pada perspektif lain, personaliti juga merupakan satu sifat penting dalam menentukan bagaimana seseorang itu bertindak terhadap sesuatu keadaan ([Ashton, 2013](#)).

Perkembangan personaliti dapat dilihat berjalan seiring dengan perkembangan lain seperti intelektual, emosi, sosial dan psikoseksual. Kombinasi atau pengadunan antara sifat dengan kebolehan akan membentuk suatu pembawaan yang unik dan berlainan antara seorang individu dengan seorang individu yang lain ([Harni Jusuf, 2018](#)). Hal ini kerana personaliti seseorang adalah perkara yang kompleks disebabkan ia bersifat positif

dan negatif. Untuk mengetahui personaliti seseorang biasanya melalui pergaulan, temu bual, gaya percakapan dan sebagainya (Gordon, 2016).

Dalam usaha meningkatkan kecemerlangan akademik dan kualiti dalam kalangan pelajar, tahap profesionalisme pensyarah memainkan peranan penting dalam mencurahkan ilmu dan kemahiran kepada setiap pelajarnya. Profesionalisme pensyarah merangkumi beberapa aspek, dan antara aspek terpenting termasuklah aspek personaliti, keprihatinan, motivasi dan iltizam serta lain-lain (Ali et al., 2002). Kemampuan seseorang pensyarah dalam menyampaikan sesi pembelajaran dan pengajaran dengan baik dan bijak di samping mempunyai personaliti yang menarik serta bermotivasi tinggi ialah ciri-ciri yang perlu dimiliki oleh setiap pensyarah dalam melahirkan para graduan yang berkualiti. Dalam kajian yang dijalankan oleh Norliza dan Abu Hassan (2004) mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara ciri-ciri personaliti pensyarah dan proses pengajaran. Dalam kajian tersebut, majoriti pensyarah memiliki jenis personaliti *ekstrovert-sensing-thinking-judging* (ESTJ) yang telah membawa kepada pencapaian akademik pelajar berada pada tahap sederhana. Daripada kajian-kajian terdahulu, jelaslah bahawa personaliti pensyarah memainkan peranan yang amat penting dalam proses pembelajaran dan pengajaran yang seterusnya menjadi kayu ukur dalam melahirkan para graduan yang berkualiti.

1.1. Konsep dan Tret Personaliti *Big Five*

Menurut Kamus Dewan (2005), personaliti merujuk kepada keperibadian dan perwatakan. Personaliti didefinisikan sebagai keseluruhan perwatakan dalam pemikiran, perasaan dan tingkah laku yang menghasilkan cara tersendiri bagi seseorang itu bertingkah laku dalam persekitaran (Grant, 2014) dan beradaptasi dengan keadaan hidup (Harni Jusuf, 2018). Di samping itu, personaliti juga merujuk kepada bentuk ciri-ciri peribadi individu yang merangkumi aspek kognitif, emosi, motivasi dan tingkah laku (Rosmadi, 2015). Manakala, personaliti dalam kajian psikologi adalah melibatkan tugas untuk mengintegrasikan atau menghubungkan jalinan pengetahuan yang diperoleh dalam semua bidang khususnya dalam aspek psikologi meliputi aspek persepsi, pembelajaran, pembangunan, harapan, memori atau ingatan. Keseluruhan pengetahuan yang didapati ini akan digunakan untuk tujuan melihat ciri-ciri dalam kehidupan individu itu (Robins & Donnellan, 2010).

Kandler, Penner dan Willmes (2017), menjelaskan personaliti sebagai corak tret peribadi, tingkah laku, perangai, emosi dan mental secara kolektif yang unik dan stabil secara relatifnya. Ooi dan Putri Mardina (2019) serta Rumaya dan Rozumah (2004) memberi penjelasan yang terperinci bahawa personaliti individu terdiri daripada gabungan pelbagai ciri yang berkembang selepas lahir dan seterusnya terbentuk sepanjang kehidupan. Semasa bayi, ciri personaliti dipercayai terbentuk berasaskan naluri dan emosi seperti lapar, dahaga, takut dan seronok. Manakala sepanjang peringkat dewasa, personaliti terus terbentuk melalui proses adaptasi pengalaman dan interaksi dengan persekitaran sosio-budaya.

Selain itu, Yunus, Wahab, Ismail dan Othman (2018) menyatakan bahawa personaliti adalah ciri-ciri tingkah laku seseorang yang stabil dan berbeza daripada orang lain. Hal ini dijelaskan oleh Komulainen et al. (2014) bahawa personaliti ialah berkaitan dengan pemikiran, mental-emosi dan tingkah laku seseorang. Menurut Norfazlika et al. (2016), personaliti adalah pemikiran, perasaan dan cara bertingkah laku yang ditunjukkan oleh seseorang sebagai cara untuk dia menyesuaikan diri dengan dunianya. Di dalam kajian

ini, personaliti yang menjadi tumpuan pengkaji adalah konsep personaliti sepertimana yang dinyatakan di dalam Model pengukuran personaliti *Big Five* oleh McCrae dan Costa (1989). Ringkasan Model Personaliti '*Big Five*' yang mengelaskan bentuk tingkah laku manusia berdasarkan ciri-ciri personaliti ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Ringkasan Model personaliti '*Big Five*' yang mengelaskan bentuk tingkah laku manusia berdasarkan ciri-ciri personaliti.

Faktor	Deskripsi perwatakan	Sikap berlawanan
<i>Neuroticism</i>	Risau, rasa tidak selamat, cemas, ketegangan melampau	Skor yang rendah akan membawa kepada kestabilan emosi, terkawal.
<i>Extraversion</i>	Minat bermasyarakat, petah, penuh kasih sayang	Skor yang rendah akan membawa kepada kemurungan, tidak bersosial serta pemalu
<i>Openness</i>	Tulen, bebas, kreatif, berani	Skor yang rendah akan menunjukkan tiada toleransi, rumit serta hanya mengikut sahaja
<i>Agreeableness</i>	Lembut hati, percaya, sopan, semulajadi	Skor yang rendah akan membawa kepada sikap kasar, berburuk sangka, tidak bekerjasama dan kepala angin
<i>Conscientiousness</i>	Berhati-hati, boleh diharap, kerja keras, terkawal	Skor yang rendah akan memperlihatkan watak yang tidak boleh dipercayai, pemalas, tidak bersemangat, suka berseronok dan tidak terurus

Menurut Soto (2018) model pengukuran personaliti *Big Five* telah merumuskan lima tret personaliti manusia kepada lima iaitu *Extraversion*, *Neuroticism*, *Openness*, *Agreeableness* dan *Conscientiousness*. McCrae et al. (2000) menjelaskan secara ringkas makna di sebalik lima dimensi personaliti tersebut melalui pencapaian skor tinggi setiap tret adalah seperti di bawah:

1.1.1. *Extraversion* (suka bergaul dan bersosial)

Berdasarkan kepada pengamatan teori ini, golongan dalam kelompok ciri ini mempunyai kecenderungan untuk bersosial dan berhubungan dengan individu lain. Bersikap "*out going*" menjadi kebiasaan kepada individu yang berada dalam kumpulan ini, mereka juga dilihat penuh bertenaga dan bersikap positif. Menerusi teori ini, individu yang tergolong dalam kumpulan ini dilihat mempunyai minat terhadap orang lain atau persekitaran mereka daripada dirinya sendiri. Individu dalam kelompok ini memiliki persepsi dan perspektif yang positif terhadap sesuatu perkara itu terutamanya tentang hidup. Kelompok individu dalam kategori ini mentafsirkan dunia ini sebagai "Taman Permainan" mereka. Oleh hal yang demikian, maka semasa berada di dalam kumpulan mereka, mereka suka bercakap, menilai diri mereka dan mendapat perhatian (Lucas, 2018).

1.1.2. *Neuroticism* (mempunyai gangguan emosi atau neurotik)

Individu di dalam tret personaliti ini merujuk kepada mereka yang kebiasaannya sering berpandangan dengan perspektif yang negatif. Bagi mereka, elemen negatif didahulukan dalam pemikiran mereka. Jika seseorang itu tergolong dalam personaliti jenis ini, dan

berada pada kedudukan bertahap tinggi dalam tret ini pada mulanya merasa satu sifat negatif berspesifik iaitu seperti lebih menunjukkan sifat diri yang berada dalam kemarahan, kemurungan (*depression*), ketakutan atau kebimbangan pada sesuatu isu, tetapi kemungkinan individu dalam kelompok ini akan merasakan lebih daripada salah satu emosi-emosi negatif ini pada satu-satu masa yang tertentu atau pada masa yang sama. Individu yang tergolong dalam kelompok ini mempunyai emosi yang reaktif kerana mereka bertindak dengan lebih beremosi terhadap sesuatu perkara atau peristiwa yang pada pandangan individu lain dianggap satu kejadian yang biasa atau normal. Bagi skor yang rendah dalam tret personaliti ini, ia membawa atau memberi maksud kepada kestabilan emosi dan terkawal (McCrae & John, 1992). Menurut Tuominen et al. (2017), paras hormon serotonin yang lebih rendah secara fisiologi membawa kepada tret *neuroticism* yang lebih tinggi.

1.1.3. *Openness (mempunyai sifat terbuka)*

Tret personaliti dalam aspek ini dapat diperincikan menerusi pandangan Ryckman dan Richard (2004), iaitu golongan manusia yang berada dalam kategori ini mempunyai sikap atau minda yang terbuka terhadap sesuatu idea dan pandangan. Individu dalam kategori ini juga mempunyai sikap yang sangat suka terdedah kepada sesuatu pengalaman yang baru. Teori personaliti ini menggambarkan bahawa secara ilmiahnya, individu di dalam kategori *openness* ini menganggap dunia sebagai platform atau tempat pembelajaran bagi mereka, malah mereka juga begitu menghargai pengalaman baru; di mana setiap daripada pengalaman yang diterima atau datang pada mereka, ia akan digunakan dengan sepenuhnya. Kelompok individu dalam kategori ini juga tertarik kepada kerja seni dan sesuatu yang cantik, mereka lebih peka dalam aspek afektif, berfikir dan bertindak dengan cara tersendiri, bijak, mempunyai minat yang mendalam terhadap sesuatu, kreatif dan inovatif dalam hasil kerja dan berpeluang untuk berubah (McCrae & John, 1992).

Sebaliknya, bagi individu yang kurang mempunyai sifat dominan dalam ciri tret ini dilihat berkecenderungan untuk mempunyai daya persepsi dan pemikiran yang lebih cetek dalam sesuatu perkara. Bahkan individu tersebut dilihat lebih suka kepada sesuatu yang telus dan kurang kompleks. Individu sebegini juga mempunyai tanggapan (prasangka) atau kekhuatiran (wasangka) yang salah terhadap perkara yang mempunyai kaitan dengan seni dan sains. Golongan ini dilihat lebih bersifat konservatif bahkan juga tidak menyukai perubahan khususnya jika ia berlaku secara drastik (McCrae & John, 1992).

1.1.4. *Agreeableness (senang mencapai persetujuan)*

Bagi kategori ini, individu tersebut dilihat mempunyai pendapat yang berbeza tentang sesuatu perkara yang berkaitan dengan kerjasama dan keharmonian sosial di antara masyarakatnya. Jika individu dalam tret personaliti ini mempunyai nilai yang tinggi skornya, maka ia cenderung menghargai perhubungan di antara orang ramai (Grankvist & Kajonius, 2015). Lazimnya, mereka yang mempunyai nilai yang tinggi dalam ciri ini lebih bersifat perikemanusiaan, peramah, suka menolong, dermawan dan sanggup berkompromi dengan orang lain walaupun dengan kepentingan mereka yang mungkin akan terganggu. Individu yang senang berkompromi ini mempunyai kelebihan di mana ia berupaya untuk mengekalkan hubungan dengan orang lain serta pada masa yang sama mereka dapat mengekalkan status populariti mereka dengan baik. Selain itu, bagi lelaki yang mempunyai skor yang tinggi, ia dilihat lebih tegas menggunakan kuasanya dibandingkan dengan wanita yang juga mempunyai skor yang tinggi (Srivastava et al., 2003).

1.1.5. *Conscientiousness (kesedaran)*

Tret personaliti ini memiliki nilai kesedaran yang tinggi iaitu satu ciri personaliti di mana seorang individu itu amat berhati-hati semasa membuat sebarang keputusan. Ia berlaku sebagai satu kualiti yang wujud dalam diri seorang manusia yang bertindak mengikut kesedaran mindanya. Tret personaliti ini juga merujuk kepada seseorang yang mempunyai kesedaran, termasuklah merangkumi aspek kehidupan sehariannya, persekitarannya serta komuniti sekelilingnya. Bentuk kesedaran ini wujud melalui tindak balas impuls saraf. Kesedaran individu ini berlaku berdasarkan cara kawalannya dan cara bertindak berdasarkan impuls yang diterima (Srivastava et al., 2003).

Ciri dominan yang dipunyai oleh golongan dalam kategori ini adalah seperti, boleh dipercayai, sanggup bekerja keras untuk sesuatu perkara, menepati masa, kemas dari segi kerja dan keperibadian luarnya, berdisiplin, bercita-cita tinggi dan mempunyai atau suka pada kehidupan yang teratur (*organized*). Golongan yang kurang mempunyai kesedaran (*unconscientiousness*) lazimnya akan dikritik kerana tidak mempunyai cita-cita, kurang dipercayai, dan tidak amanah (Srivastava et al., 2003).

Perkaitan personaliti seseorang dalam melaksanakan tugasnya dapat dilihat melalui pencapaian dalam perkhidmatan yang dilaksanakan. Beberapa laporan ada menyatakan bahawa terdapat hubungan di antara personaliti dan tingkah laku kerja tidak produktif dengan persepsi sokongan organisasi. Kajian lepas mendapati terdapat hubungan yang negatif antara persepsi persekitaran tempat kerja dan Tingkah Laku Kerja Tidak Produktif (TLKTP) yang juga bergantung terhadap tret personaliti individu (Colbert et al., 2004). Memastikan persekitaran kerja yang baik juga amat penting agar produktiviti tenaga kerja lebih produktif sekaligus mencapai agenda utama Malaysia dalam memastikan negara bertumbuh pesat (Ismail & Ahmad, 2020). Oleh itu, mengenali personaliti seseorang dan meletakkannya di tempat yang betul amat penting bagi membawa kebaikan terhadap sesuatu organisasi dan individu itu sendiri.

Meletakkan seseorang dengan personaliti tertentu di tempat yang betul amat penting bagi mendapatkan kefungsiannya yang maksima. Kegagalan dalam mengenal pasti kesesuaian personaliti seseorang terhadap pekerjaan yang dilakukan akan mengakibatkan kerugian kepada sesuatu organisasi atau pekerja itu sendiri seperti produktiviti yang rendah dan ponteng kerja (Mohd Mahyideen et al., 2020). Sebagai contoh, apabila individu yang pendiam diletakkan di bahagian pemasaran pastinya sasaran syarikat itu sukar untuk dicapai. Bagi seorang guru atau pendidik, personaliti yang dimiliki lebih merujuk kepada kualiti diri seperti sahsiah, tingkah laku, kekemasan, keceriaan, keterampilan diri, kematangan, cara berinteraksi, kewibawaan guru, jujur, dan ceria (Sawari & Mustafa, 2014). Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti profil personaliti dalam kalangan pensyarah universiti penyelidikan.

2. Sorotan Literatur


Perkataan personaliti berasal dari perkataan Latin yang membawa maksud *persona*. Perkataan *persona* bermaksud topeng muka yang dipakai oleh pelakon Yunani pada zaman dahulu untuk mewakili sesuatu perwatakan orang di pentas (Shahabuddin et al., 2006). Perkataan 'persona' inilah kemudiannya berkembang serta digunakan secara meluas pada masa kini sebagai personaliti. Watson (1919) pula di dalam pengkajian ilmu personalitinya telah memberikan takrifan terhadap personaliti sebagai satu sudut teori tingkah laku atau behaviourisme yang secara jelas juga mengetengahkan bahawa

pembinaan personaliti seseorang adalah hasil daripada apa yang sudah dimulakan dan juga segala apa yang dialami dalam kehidupan semasa seseorang individu itu (Shahabuddin, Mahani & Ramlah, 2006).

Namun demikian, ahli psikologi Barat berpendapat bahawa personaliti merupakan susunan pola-pola tingkah laku manusia yang diaplikasikan dalam situasi kehidupannya (Yunus, Wahab, Ismail, & Othman, 2018). Manakala Allport (1961) menyatakan bahawa personaliti adalah suatu sistem psiko-fizikal yang dinamik yang memberi garis panduan pada seseorang individu bagi menentukan jenis atau ciri-ciri tingkah laku yang bersesuaian dengan persekitaran kemanusiaan dan fizikal. Dalam erti kata lain, personaliti pada umumnya merujuk kepada keperibadian, sahsiah atau dikenali juga sebagai perwatakan (Kandler & Penner, 2017). Sebaliknya, pandangan dari perspektif Islam menyatakan bahawa personaliti dimaksudkan sebagai sahsiah ataupun secara umumnya akhlak. Hal ini dijelaskan antara persamaan akhlak yang dianggap sebagai budi pekerti dan terbahagi kepada dua bahagian iaitu akhlak terpuji dan akhlak tercela (Shahabuddin & Rohizani, 2007).

Mohd Saleh (1999) menyatakan bahawa manusia mempunyai personaliti yang tersendiri dan berbeza-beza di antara satu sama lain. Secara umumnya, pembentukan personaliti seseorang bermula sejak kanak-kanak dan terus berkembang serta berubah-ubah mengikut masa, pengalaman dan pengaruh persekitaran. Hal ini demikian kerana, personaliti dikaitkan dengan komponen biologi yang melibatkan aspek tingkah laku. Beliau juga telah mengkategorikan faktor-faktor yang mempengaruhi personaliti kepada dua elemen utama iaitu baka dan persekitaran. Faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan personaliti ini digambarkan seperti dalam Rajah 1.

Rajah 1: Faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan personaliti



Namun, demikian, faktor persekitaran dilihat terbahagi kepada beberapa pecahan yang lebih spesifik. Faktor persekitaran adalah merangkumi elemen-elemen seperti

pendidikan di rumah, pengaruh rakan sebaya, pengaruh sosiobudaya, pendidikan di sekolah, pengaruh media massa, pemakanan serta simbol status sebagai beberapa elemen yang mempengaruhi pembentukan personaliti yang dihubungkan dalam faktor persekitaran.

Kajian berbentuk tinjauan telah dilakukan melibatkan seramai 100 orang responden di Malaysia bagi mengenal pasti peranan faktor personaliti dalam menentukan kegembiraan. Selain itu, kajian yang dijalankan juga bertujuan untuk melihat peranan faktor lain seperti kesihatan fizikal dan jantung dalam menentukan kegembiraan seseorang. Hasil kajian mendapati bahawa personaliti mempunyai hubungan yang signifikan dengan kegembiraan dan tret personaliti jenis *extraversion* didapati mempunyai korelasi yang signifikan dan positif dengan kegembiraan ($r(98) = 0.427$; $p < 0.05$), manakala tret personaliti *neuroticism* pula berkorelasi secara negatif ($r(98) = -0.698$; $p < 0.05$). Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tahap kegembiraan mempunyai hubungan yang signifikan dengan kesihatan fizikal seseorang ($r(98) = 0.248$; $p < 0.05$), namun tidak terdapat perbezaan kegembiraan mengikut jantung ($t(98) = 0.718$; $p > 0.05$) responden kajian (Khor, 2011).

Hasil dapatan kajian Abdul Rashid et al. (2013) yang dijalankan di sebuah universiti penyelidikan melibatkan sebanyak 317 sampel pensyarah mendapati bahawa semua tret personaliti adalah berhubungan dengan kegembiraan. Dapatan menunjukkan bahawa hubungan tret personaliti *extraversion* ($r = 0.79$), *agreeableness* ($r = 0.65$), *conscientiousness* ($r = 0.72$), *openness* ($r = 0.34$) adalah signifikan dan berkorelasi secara positif manakala tret *neuroticism* ($r = -0.61$) pula menunjukkan hubungan yang signifikan dan berkorelasi secara negatif. Dapatan kajian yang dijalankan juga menunjukkan bahawa majoriti tahap kegembiraan pensyarah adalah pada aras sederhana. Malah, Soto dan John (2017) mendapati bahawa tret personaliti di dalam BFI berkait rapat dengan angkuh kegembiraan seperti tret *extraversion* adalah mewakili komponen emosi positif, manakala tret personaliti *neuroticism* mewakili komponen emosi negatif.

Ayodele (2013), pula menjalankan kajian mengenai personaliti pensyarah dan kaitannya dengan perhubungan interpersonal menerusi penggunaan model personaliti *Big Five* dan melibatkan seramai 270 responden. Dapatan kajian dengan menggunakan ujian-t, regresi berganda dan analisis varian (Anova) sebagai metod analisis data kajian menunjukkan bahawa personaliti berhubungan dengan kegembiraan secara signifikan. Hal ini berlaku kerana, hasil kajian mendapati bahawa pemboleh ubah *conscientiousness* menunjukkan dapatan nilai beta 7.007, manakala *neuroticism* dengan nilai beta -.618, sementara *agreeableness* (-.576) diikuti *openness* dengan (5.243) dan *extraversion* (-4.069). Oleh itu, elemen *neuroticism*, *agreeableness*, *openness*, *conscientiousness* dan *extraversion* adalah faktor personaliti yang mempengaruhi hubungan interpersonal antara pensyarah dan pelajarannya.

Kajian yang dilakukan oleh Cheng dan Furnham (2002) mengenai personaliti, hubungan sesama rakan dan penghargaan sendiri sebagai asas yang membawa individu kepada kegembiraan atau kesepian telah dilakukan. Kajian dijalankan dengan melibatkan sebanyak 90 orang responden iaitu 49 lelaki dan 41 wanita yang berumur dalam lingkungan antara 16 hingga 18 tahun di tiga buah sekolah di Britain. Kajian yang dilakukan adalah untuk mendapatkan keputusan mengenai sama ada kegembiraan dan kesepian berkait dengan faktor personaliti, penghargaan sendiri dan sokongan sosial. Hasil dari kajian yang dilakukan mendapati bahawa pelajar perempuan mempunyai catatan skor tret personaliti neurotik yang tinggi berbanding lelaki. Hasil kajian juga

menunjukkan bahawa faktor penghargaan sendiri lelaki adalah lebih tinggi berbanding perempuan. Walau bagaimanapun, responden perempuan mencatat kadar kesepian yang rendah di kalangan mereka. Bahkan skor yang diperolehi menunjukkan bahawa perempuan mempunyai kadar keakraban dalam persahabatan yang lebih tinggi daripada kalangan lelaki dan ini membentuk sokongan sosial di antara mereka. Justeru, sokongan sosial yang tinggi dalam kalangan responden perempuan telah mengurangkan kadar kesepian mereka. Responden perempuan juga didapati lebih baik dari segi pencapaian dalam keputusan peperiksaan mereka dibandingkan dengan lelaki. Secara kesimpulannya, dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa moderator penting bagi mencapai kegembiraan adalah berkait rapat dengan faktor persahabatan dan penghargaan diri serta berkait juga dengan faktor pencapaian dalam bidang akademik bagi membolehkan kegembiraan dicapai. Jika tidak, seseorang itu akan menjurus ke arah kesepian.

3. Metod Kajian

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif menggunakan reka bentuk deskriptif melibatkan populasi kajian yang menyeluruh dalam kalangan pensyarah universiti penyelidikan di Malaysia. Kajian deskriptif dijalankan bagi mengenal pasti profil personaliti dalam kalangan pensyarah. Kajian deskriptif merupakan kaedah yang sesuai dilakukan dengan menggunakan

kaedah tinjauan kerana konsep-konsep dapat dihuraikan dengan menggunakan soal selidik atau temu bual, dapat membuat perbandingan frekuensi serta boleh memberi gambaran semasa sesuatu fenomena yang berlaku berkaitan dengan perasaan, pemikiran dan tingkah laku manusia (Stangor, 2011; Chua, 2011). Kajian deskriptif biasanya dipersembahkan dalam bentuk analisis statistik yang memberi gambaran berhubung taburan data (Bhasah, 2007).

Soal selidik kajian ini telah diedarkan kepada beberapa lokasi universiti penyelidikan di Malaysia termasuklah Universiti Malaya, Universiti Putra Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia dengan melibatkan sebanyak 645 sampel kajian.

3.1. Soal selidik *Big Five Personality Inventory* (BFI)

Soal selidik *Big Five Personality Inventory* telah dibangunkan oleh McCrae dan Costa (1989). Instrumen ini secara empirikalnya menguji 44 item berbentuk laporan (*self-report*) yang diukur menerusi pembahagian lima dimensi atau tret personaliti mengikut item iaitu *extraversion* (8 item), *agreeableness* (9 item), *conscientiousness* (9 item), *neuroticism* (8 item) dan *openness* (10 item). Inventori ini dipilih kerana ia bersesuaian dengan tujuan kajian iaitu mengkaji tret personaliti.

Soal selidik ini telah diguna pakai secara meluas dalam penyelidikan di serata dunia dan dilaporkan mempunyai kesahan dan tahap kebolehpercayaan yang tinggi iaitu nilai alfa antara .80 hingga .90 (Mansoor Momeni et al., 2011; Grosul, 2010; John dan Srivastava, 1999; John, Naumann & Soto, 2008). Menurut Novikova (2013), *five-factor model* atau dikenali sebagai *Big Five* merupakan model berkaitan personaliti yang paling berpengaruh dalam kajian bidang psikologi. Soal selidik ini juga menggunakan skala Likert-lima mata iaitu: (1) sangat tidak setuju, (2) tidak setuju, (3) tidak pasti, (4) setuju dan (5) sangat setuju. Setiap jawapan yang diberikan oleh subjek kajian adalah gambaran

mengenai personaliti mereka. Contoh item yang ditanyakan menerusi soal selidik ini adalah seperti “saya melihat diri saya sebagai seorang yang ramah” atau “berkecenderungan untuk tidak terurus”. Menerusi bentuk soalan yang menjadi item kepada soal selidik ini, maka BFI ini hanya memerlukan jangka masa 10 minit untuk disiapkan. Penjumlahan keseluruhan skor yang didapati menerusi setiap dimensi personaliti dilakukan menerusi susun atur dari skor rendah ke skor paling tinggi bagi semua peserta yang menjawab soal selidik ini. Setiap tret dianalisis dengan tujuan untuk melihat dan membandingkan bentuk profil personaliti mereka.

Pemahaman kepada skor tinggi dan rendah terhadap personaliti individu adalah mengikut lima tret personaliti yang dinyatakan dalam instrumen ini. Kelima-lima tret tersebut membawa pemahaman kepada personaliti manusia yang berbeza. Tret *extraversion* merujuk kepada individu yang berorientasikan komunikasi, bersosial dan tegas. Tret *agreeableness* merujuk kepada personaliti mesra, bertingkah laku dengan baik, dan mempunyai sifat simpati. Tret *conscientiousness* merujuk kepada sifat boleh dipercayai dan bersemangat. Tret *neuroticism* merujuk kepada darjah kebimbangan, kemurungan, amarah, malu dan perasaan tidak selamat. Tret *openness* pula merujuk kepada individu yang bijak dan minat pada kerja-kerja kreatif. Ringkasan kepada skor dalam tret personaliti alat ukur ini dapat dilihat dalam [Jadual 2](#).

Jadual 2: Perincian soal selidik personaliti *Big Five* berdasarkan julat dan klasifikasi skor min mengikut pola personaliti

Pola Personaliti	Julat	Klasifikasi
<i>Openness</i>	1.00 – 2.66	Rendah
<i>Conscientiousness</i>	2.67 – 3.66	Sederhana
<i>Extraversion</i>	3.67 – 5.00	Tinggi
<i>Agreeableness</i>		
<i>Neuroticism</i>		

[Jadual 2](#) menunjukkan julat skor bagi alat ukur *Big Five*. Berdasarkan [Jadual 2](#), nilai skor 1.00 hingga 2.66 dianggap sebagai skor rendah. Nilai 2.67 hingga 3.66 adalah skor sederhana. Nilai 3.67 hingga 5.00 pula mewakili skor tinggi. Paul Costa dan McCrae telah memperkenalkan teori personaliti yang kemudiannya dikenali dan diberi nama sebagai teori personaliti “*Big Five*” bagi memperincikan perwatakan seseorang itu sama ada ia bersifat dengan perwatakan *neuroticism*, *extraversion*, *openness*, *agreeableness*, dan *conscientiousness*.

4. Hasil Kajian

4.1. Analisis Pola Personaliti Pensyarah

Berdasarkan [Jadual 3](#), pola personaliti dalam kalangan pensyarah di empat buah universiti penyelidikan dibahagikan mengikut nilai min bagi mendapatkan skor purata lima pola personaliti iaitu *Openness*, *Conscientiousness*, *Extraversion*, *Agreeableness* dan *Neuroticism*. Hasil kajian mendapati bahawa pola personaliti *Agreeableness* mencatat skor min tertinggi bagi pensyarah iaitu sebanyak 2.94 dan sisihan piawainya 0.30. Seterusnya, pola personaliti kedua tertinggi ialah *Conscientiousness* dengan nilai min sebanyak 2.93 dan sisihan piawai 0.33. Seterusnya skor bagi pola personaliti *Extraversion* mencatat nilai yang ketiga tertinggi iaitu sebanyak 2.91 dengan sisihan piawai 0.38. Skor kedua terendah yang dicatatkan pensyarah adalah bagi pola personaliti *Openness* iaitu nilai min sebanyak 2.89 dan sisihan piawai 0.35. Pola personaliti pensyarah di universiti penyelidikan

menunjukkan bahawa skor terendah adalah bagi pola personaliti *Neuroticism* dengan catatan nilai min sebanyak 1.07 dan sisihan piawai 0.36.

Jadual 3: Taburan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai tret personaliti pensyarah

POLA PERSONALITI	TAHAP			MIN	SISIHAN PIAWAI
	Rendah	Sederhana	Tinggi		
<i>Openness</i>	8 (1.2%)	53 (8.2%)	584 (90.5%)	2.89	0.35
<i>Conscientiousness</i>	16 (2.5%)	11 (1.7%)	618 (95.8%)	2.93	0.33
<i>Extraversion</i>	21 (3.3%)	13 (2.0%)	611 (94.7%)	2.91	0.38
<i>Agreeableness</i>	12 (1.9%)	12 (1.9%)	621 (96.3%)	2.94	0.30
<i>Neuroticism</i>	616 (95.5%)	10 (1.6%)	19 (2.9%)	1.07	0.36

Di samping itu, nilai yang lebih terperinci bagi setiap pola personaliti yang dicatatkan oleh pensyarah dapat dilihat menerusi catatan skor rendah, skor tinggi dan skor sederhana bagi menjelaskan dengan lebih lanjut pola personaliti pensyarah di universiti penyelidikan dalam bentuk peratus sumbangan bagi setiap tret personaliti. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tret personaliti yang paling ramai mewakili pensyarah adalah *Agreeableness*. Skor tinggi bagi tret personaliti ini mencapai purata sebanyak 96.3 peratus. Seterusnya, sebanyak 95.8 peratus pensyarah mencatat skor tahap tinggi untuk diri mereka bagi tret personaliti *Conscientiousness*, diikuti oleh tret personaliti *Extraversion* pada sebanyak 94.7 peratus dan *Openness* sebanyak 90.5 peratus. Tret personaliti *Neuroticism* merupakan jenis personaliti yang paling rendah dalam kalangan pensyarah. Hal ini kerana, sebanyak 96 peratus pensyarah menunjukkan tahap rendah bagi tret ini. [Oishi et al. \(2012\)](#) menyatakan bahawa nilai dalam diri seseorang akan membentuk aspek personaliti individu dan nilai yang terbentuk ini berperanan dalam mempengaruhi kegembiraan mereka.

Kajian yang dilakukan oleh [Arifin dan Teh \(2020\)](#) juga menyatakan bahawa contoh teladan (*role model*) dan persekitaran menjadi antara perkara yang dapat mempengaruhi personaliti seseorang. Manakala [Keyes, Shmotkin dan Ryff \(2002\)](#); [Hamid dan Ismail \(2019\)](#) dalam kajian tinjauan yang dijalankan mereka mendapati bahawa tret personaliti *extraversion* dan *conscientiousness* akan meningkat apabila tret personaliti *neuroticism* menurun dan perubahan ini juga mempengaruhi kegembiraan seseorang. Menurut [Tan et al. \(2016\)](#) sikap *conscientiousness* adalah profil utama yang dimiliki dalam diri pensyarah di Kanada dan British, diikuti dengan profil *agreeableness*, *extraversion*, dan *openness*. Manakala pensyarah dari negara Asia mempunyai keutamaan yang lebih tinggi untuk profil *extraversion*, *openness* dan *agreeableness*.

Tambahan itu, dapatan pola personaliti pensyarah ini agak berbeza dengan hasil kajian yang dilakukan oleh [Faizah \(2013\)](#) mengenai profil personaliti dalam kalangan pensyarah Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang cemerlang dalam pengajaran dan pembelajaran. Kajian berbentuk korelasi dan melibatkan 52 orang pensyarah dalam kategori cemerlang bagi Penilaian Pengajaran Pensyarah (PPP) ini telah menggunakan teori personaliti *Big Five* sebagai kerangka kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa profil *conscientiousness* mencatatkan nilai min yang tertinggi iaitu 182.57. Ini bermakna hasil dari penganalisan data menunjukkan bahawa tret personaliti *conscientiousness* dalam kalangan pensyarah berada di tahap yang tinggi. Bahkan, kajian ini juga menguji

profil personaliti lain iaitu *neuroticism*, *agreeableness*, *openness*, *conscientiousness* dan *extraversion* bagi responden terbabit.

5. Kesimpulan

Kesimpulannya, personaliti merupakan satu elemen penting dalam pembinaan karakter seseorang. Pensyarah merupakan seorang pendidik yang menggalas tanggungjawab besar dalam membangunkan modal insan yang berguna kepada agama dan negara. Oleh itu, personaliti seorang pensyarah akan memberi pengaruh kepada pelajarannya dalam aspek pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan. Hal ini kerana, tret personaliti secara dasarnya mempengaruhi pembawaan dan komunikasi seseorang. Oleh yang demikian, mengetahui personaliti pendidik adalah penting dalam meningkatkan pemahaman kepada elemen yang menyumbang kepada keberkesanan dalam sektor pendidikan.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada responden yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini.

Kewangan

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan.

Konflik Kepentingan

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Abdul Rashid Abdul Aziz, Mohamed Sharif Mustaffa, Narina A. Samah, Rosman Yusof. (2013). *Personality and Happiness among Academicians in Malaysia*. Kertas kerja yang dibentang di World Conference on Educational Sciences, Rome.
- Allport, G. W. (1961). *Pattern and growth in personality*. New York: Holt, Reinhart & Winston.
- Ali, S. M., Panot, H. Y., Rashid, Z. A., Ibrahim, S., Neo, D. J. W. B., & Bakar, H. S. N. S. A. (2002). Kajian Kes Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran Pensyarah di Jabatan Ilmu Pendidikan Maktab Perguruan Teknik. *Kuala Lumpur*.
- Arifin, R. M. & Teh, K. S. M. (2020). Pengintegrasian Teori Persekitaran Islam dan Barat dalam Membentuk Iklim Dini. *Jurnal Refleksi Kepemimpinan*, 3, 86-95.
- Ashton, M.C. (2013). *Personality Traits and the Inventories that Measure Them*. In book: Individual Differences and Personality. 27-55.

- Ayodele, K. O. (2013). The Influence of Big Five Personality Factors on Lecturers-Students' Interpersonal Relationship. *The African Symposium*, 13(1), 28-33.
- Bhasah Abu Bakar (2007). *Kaedah analisis data penyelidikan ilmiah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Cheng, H., & Furnham, A. (2002). Personality, peer relations, and self-confidence as predictors of happiness and loneliness. *Journal of Adolescence*, 25, 327-339.
- Chua, Y. P. (2011). *Kaedah Penyelidikan* (edisi kedua.). Kuala Lumpur: McGraw- Hill Education.
- Colbert, A. E., Mount, M. K., Harter, J. K., Witt, L. A., & Barrick, M. R. (2004). Interactive Effects of Personality and Perceptions of the Work Situation on Workplace Deviance. *Journal of Applied Psychology*, 89(4), 599.
- Faizah Abd Ghani. (2013). Profil personaliti dalam kalangan pensyarah UTM yang cemerlang dalam pengajaran dan pembelajaran berdasarkan penilaian pengajaran pensyarah. *Jurnal Teknologi*, 60, 49-56.
- Grankvist, G. & Kajonius, P. (2015). Personality traits and values: a replication with a Swedish sample. *International Journal of Personality Psychology*. 1(1), 8-14
- Grant, A. (2014, February 19). Myths about introverts and extraverts at work. *Huffingtonpost*. www.huffingtonpost.com/adamgrant/5-myths-about-introverts_b_4814390
- Gordon, L. A. (2016). Introverts in an extroverts' world. *American Bar Association Journal*, 36-41.
- Grosul, M. (2010). *In search of the creative scientific personality*. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Paper 3863. http://scholarworks.sjsu.edu/etd_theses/3863.
- Hamid, M. T. A. & Ismail, R. (2019). Kesesuaian tret personaliti conscientiousness, neuroticism guru dan kefahaman kurikulum dalam perkembangan kanak-kanak dari perspektif bahasa. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 16(1). 1-15.
- Harni Jusuf (2018). Understanding Personality. *Journal al-Lisan*, 3(1).
- Ismail, S. H. & Ahmad, N. (2020). *Hubungan di antara persekitaran kerja dan produktiviti tenaga kerja dalam sektor pembuatan*. Penerbit UTHM.
- John, O. P., & Srivastava, S. (1999). The Big Five Trait taxonomy: History, measurement, and theoretical perspectives. In L. A. Pervin & O. P. John (Eds.), *Handbook of personality: Theory and research*. 102–138. Guilford Press.
- John, O. P., Naumann, L. P., & Soto, C. J. (2008). Paradigm shift to the integrative Big Five Trait Taxonomy: History, measurement, and conceptual issues. Dalam R. J. Sternberg (Ed.), *Handbook of creativity*. (3rd ed.). 114-159. Cambridge: Cambridge University Press.
- Kamus Dewan. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kandler C. Penner A. dan Willmes A. Z. (2017). Core and Surface Characteristics of Personality. In book: *Encyclopedia of Personality and Individual Differences*. 1-6.
- Keyes, C. L. M., Shmotkin, D., & Ryff, C. D. (2002). Optimizing well-being: The empirical encounter of two traditions. *Journal of Personality and Social Psychology*, 82, 6, 1007-1022.
- Khor, F. J. (2011). *A Study of happiness among UTAR undergraduates*. Latihan ilmiah bagi projek akhir Sarjana Muda Sains Sosial (Psikologi) yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Tunku Abdul Rahman.
- Komulainen, E., Meskanen, K., Lipsanen, J., Lahti, J. M., Jylha, P., Melartin, T. (2014). The Effect of Personality on Daily Life Emotional Processes. *PLoS One*, 9, e110907. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0110907>
- Lucas, R. E. (2018). Exploring the associations between personality and subjective well-being. Dalam E. Diener, S. Oishi, & L. Tay (Eds.), *Handbook of well-being*. Salt Lake City, UT: DEF Publishers.

- Mansoor Momeni, Nader Seyed Kalali, Mohammad Reza Akhavan Anvari, Zeinab Raoofi & Ali Zarrineh (2011). What kind of people are the happiest? An empirical study, *International Review of Business Research Papers*, 7, 3, 42-54.
- McCrae, R. R., & Costa, P. T., Jr. (1989). The structure of interpersonal traits: Wiggins's circumplex and the Five-Factor Model. *Journal of Personality and Social Psychology*, 56, 586-595.
- McCrae, R. R., & John, O. P. (1992). An introduction to the Five-Factor Model and its applications. *Journal of Personality*, 60, 175-215.
- McCrae, R. R., Costa, P. T., Ostendorf, F., Angleitner, A., Hrebickova, M., & Avia, M.D. (2000). Nature over nurture: Temperament, personality, and life span development. *Journal of Personality and Social Psychology*, 78, 1, 173-186.
- Mohd Mahyideen, J., Mohamad Rusli, N.A., & Yaakob, H. (2020). Pembangunan diri: kenali personaliti diri. *ASPIRASI FPP*, 17-19.
- Mohd. Saleh Lebar (1999). *Memahami psikologi*. Kuala Lumpur: Thinker's Library.
- Norfazlika Abd. Karim, Dzeelfa Zainal Abidin & Siti Nur Dina Mohd Ali (2016). Personality Factors and Second Language Acquisition: An Islamic Viewpoint. *International Journal of Business, Economics and Law*, 11.
- Norliza, K., & Abu Hassan, A. (2004). Aspiration factors of knowledge workers: case of local graduates. *Malaysian Management Review*, 39(2).
- Novikova, I. A. (2013). *Big Five (The Five-Factor Model and The Five-Factor Theory)*. The Encyclopedia of Cross-Cultural Psychology.
- Ooi, B.K. & Putri Mardina (2019). The Relationship between Birth Order and Personality. *Journal of Management and Science*, 17(2).
- Oishi, S., Krochik, M., Roth, D., & Sherman, G. D. (2012). Residential Mobility, Personality, and Subjective and Physical Well-Being: An Analysis of Cortisol Secretion. *Social Psychological and Personality Science*, 3(2), 153- 161. <https://doi.org/10.1177/1948550611412395>
- Robins R. dan Donnellan M.B. (2010). Personality Psychology. In book: *Corsini Encyclopedia of Psychology*. New Jersey, United States: John Wiley & Sons
- Rosmadi Padly-AlPattani Mohd Daud. (2015). *Personality in ABPD2103*. Fakulti Sains Sosial Gunaan (FASS), Open University Malaysia (OUM).
- Rumaya Juhari & Rozumah Ibrahim (2004). *Pengantar pembangunan manusia: Perspektif psikologi*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Ryckman, R. M., & Richard, M. (2004). *Theories of personality*. (8th ed.). California: Wadsworth/Thompson Learning Inc.
- Sawari, S.S.M. & Mustafa, A. (2014). Guru bersahsiah mulia menurut pandang Ibnu Sahnun: Analisa buku adab al Mualimin. *Online Journal of Islamic Education*, 2(2).
- Schumpe, B. M. & Erb, H. P. (2015). Human and Uniqueness. *Science Progress*, 98(1), 1-11
- Shahabuddin Hashim, Mahani Razali, & Ramlah Jantan (2006). *Psikologi pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Shahabuddin Hashim & Rohizani Yaakub. (2007). *Teori personaliti dari perspektif Islam, Timur & Barat*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Soto, C. J. & John, O. P. (2017). The Next Big Five Inventory (BFI-2): Developing and Assessing a Hierarchical Model with 15 Facets to Enhance Bandwidth, Fidelity, and Predictive Power. *Journal of Personality and Social Psychology*, 113(1), 117-143.
- Soto, C. J. (2018). Big Five personality traits. In M. H. Bornstein, M. E. Arterberry, K. L. Fingerman, & J. E. Lansford (Eds.), *The SAGE encyclopedia of lifespan human development*. 240-241. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Srivastava, S., John, O. P., Gosling, S. D., & Potter, J. (2003). Development of personality in early and middle age: Set like plaster or persistent change? *Journal of Personality and Social Psychology*, 84, 1041-1053.

- Stangor, C. (2011). *Research methods for behavioral sciences* (4th ed.). California: Cengage.
- Tan, S., Mansi, A., & Furnham, A. (2016). Students' preferences for lecturers' personalities. *Journal of Further and Higher Education*, 42(3), 429-438.
- Tuominen, L., Miettunen, J., Cannon, D. M., Drevets, W. C., Frokjaer, V. G., Hirvonen, J., Watson, J. B. (1919). A schematic outline of the emotions. *Psychological Review*, 26(3), 165–196. <https://doi.org/10.1037/h0072509>
- Watson, J. B. (1919). A schematic outline of the emotions. *Psychological Review*, 26(3), 165.
- Yunus, M. R. B. M., Wahab, N. B. A., Ismail, M. S., & Othman, M. S. (2018). The Importance Role of Personality Trait. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(7), 1028–1036.